

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: PPA UUM COB
Sent: Wednesday, 16 November, 2016 10:07 AM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Cc: Dr. Hendrik bin Lamsali; Wan Norazlinda binti Wanchik
Subject: PERSATUAN EKONOMI UUM (ECOSA) TIDAK MELEPASKAN PELUANG MENJADI USAHAWAN SEMPENA PESTA KONVOKESYEN UUM KALI KE 29



**PEJABAT PEMBANGUNAN
PELAJAR DAN ALUMNI**

STUDENT DEVELOPMENT & ALUMNI OFFICE
COLLEGE OF BUSINESS

Universiti Utara Malaysia

Nurturing Future Leaders, Expanding Opportunities

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

16 NOVEMBER 2016 / 16 SAFAR 1438H

=====

“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Assalamualaikum & salam sejahtera



Berbekalkan semangat dan selaras dengan seruan kerajaan untuk melahirkan graduan yang bijak dalam keusahawanan, Persatuan Ekonomi UUM atau lebih dikenali sebagai ECOSA telah mengambil inisiatif untuk turut serta berniaga dalam pesta konvo UUM kali ke- 29 ini.

Tapak gerai bernombor K125 yang berhampiran dengan pentas utama memfokuskan kepada jualan barangan, perkhidmatan dan makanan siap proses.

Antara barangan yang dijual adalah produk makanan seperti perencah mi bandung, kerepek pedas, kek keju, produk hiasan lelaki dan wanita, dan produk kesihatan seperti Kopi Pemikir, serta perkhidmatan lukis inai.

Harga yang ditawarkan sangat berpatutan sesuai dengan sasaran pembeli dalam kalangan pelajar. Dekan PPA COB, Dr. Hendrik Lamsali sempat meluangkan masa melawat gerai ECOSA dan amat berpuas hati dengan semangat serta komitmen yang diberikan oleh ahli persatuan dan berharap usaha ini dapat diteruskan pada masa-masa akan datang.

Habis

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
UUM College of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah
☎ 04-928 6610
📠 04-928 6606
Website: <http://uumpacob.uum.edu.my>
Facebook: www.facebook.com/PPACOB

